

## CERAMAH DARI TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DALAM SIRI CERAMAH MENTERI DI RADIO MALAYA PADA 28HB MEI, 1962

Baharu-baharu ini dalam lawatan saya ke seluruh negara kita ini untuk melihat sendiri bagaimana Rancangan Pembangunan Negara kita berjalan, saya telah melihat sekumpulan kanak-kanak sekolah menyeberangi sebuah jambatan dalam perjalanan mereka pulang ke rumah dari sekolah. Saya memerhatikan mereka, kanak-kanak Melayu, China dan India, semuanya kanak-kanak Tanah Melayu. Dan fikiran saya melayang kepada masa hadapan. Dan saya telah cuba membayangkan dalam fikiran saya di suatu masa apabila kanak-kanak ini besar dan menjadi rakyat yang bertanggungjawab di negara kita Tanah Melayu ini, sebuah negara moden yang kukuh, aman dan makmur.

Dari satu segi, Rancangan Lima Tahun pembangunan negara kita yang dirancang oleh kerajaan Perikatan adalah serupa dengan jambatan yang saya sebutkan itu. Rancangan kita merupakan sebuah jambatan yang menghubungkan perpisahan antara jurang kemiskinan di masa yang lalu kepada kemakmuran di masa hadapan. Ini adalah permulaan bagi satu jalan yang akan membawa kita dan anak-anak kita kepada satu taraf hidup yang lebih tinggi, cara hidup yang lebih baik dan kebahagiaan dan kemegahan hidup di sebuah negara Tanah Melayu yang maju lagi makmur.

Keperluan pertama Pembangunan Negara adalah sama dengan keperluan pertama membina sebuah jambatan. Ia mesti didirikan atas asas yang kuat lagi teguh. Dan asas sebenar Rancangan Pembangunan ialah kekuatan politik. Kita adalah satu negara terdiri dari berbagai-bagai kaum dan kekuatan kita yang telah dibuktikan oleh hasil-hasil kemajuan kita semenjak merdeka terletak dalam suasana terbaik-baik di antara kita penduduk-penduduk di negeri ini, perasaan terbaik-baik di antara orang Melayu, China dan India, semuanya bangsa Tanah Melayu. Tetapi walaupun demikian ada terdapat setengah-setengah anasir yang tidak bertanggungjawab yang mencuba hendak merosakkan perasaan terbaik-baik ini. Dan cuba hendak mempengaruhi orang-orang kita dengan memainkan api perkauman. Orang-orang

ini tidak sedikitpun menaruh perasaan kasih sayang ke negeri kita ini dan mereka itu tidak menghiraukan kalau kekuatan dan ketenteraman negara kita ini terceroboh asalkan mereka itu dapat kehasilan dalam politik mereka itu.

Saya menyeru kepada tuan-tuan sekalian yang mendengar ceramah saya ini supaya ingat bahawa bukan sahaja kanak-kanak sekolah yang saya lihat menyeberangi sebuah jambatan itu tetapi juga ingat bahawa tiap-tiap seorang kanak-kanak dalam negara kita ini yang barangkali pada masa saya sedang bercakap ini tengah membaca dan menulis di rumah mereka itu dan ingat bahawa kita meletakkan harapan kepada mereka supaya memelihara dan mengekalkan perasaan berbaik-baik antara kaum yang telah mengharumkan nama Tanah Melayu ke seluruh dunia. Dan juga yang menjadi asas penting bagi kejayaan rancangan kemajuan kita.

Saya dengan sukacitanya menyatakan bahawa kita telah membuat banyak kemajuan semenjak Rancangan Pembangunan Negara kita dimulakan. Tidak perlu saya nyatakan butir-butir kemajuan ini. Jalan-jalan raya baru yang berbatu-batu panjangnya, jambatan-jambatan baru, sekolah-sekolah baru, pusat-pusat kesihatan dan beratus-ratus lagi projek yang telah disiapkan dalam masa dua tahun yang lalu adalah bukti-bukti yang lebih jelas daripada perkataan saya. Bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Rancangan Pembangunan Negara kita sedang maju dan maju dengan cepatnya. Tetapi ini hanyalah satu segi daripada pembangunan. Usaha yang sebenarnya mestilah datang daripada tiap-tiap seorang daripada tuan-tuan dalam menjalankan tugas tuan-tuan pada tiap-tiap hari, membulatkan keazaman di hati tuan-tuan bahawa bila tuan-tuan menjalankan tugas tuan-tuan akan berusaha seberapa daya untuk pembangunan negara kita.

Tidak ada satupun Rancangan Pembangunan Kerajaan dalam dunia ini boleh berjaya kecuali ianya mendapat sokongan yang sepenuhnya daripada tiap-tiap seorang rakyat. Telah beberapa kali saya nyatakan dahulu bahawa Rancangan Pembangunan Negara kita ini ialah darurat yang kedua. Zaman darurat kita yang pertama ialah peperangan melawan keganasan komunis. Zaman darurat kita yang kedua ialah satu peperangan menghapuskan kemiskinan di luar bandar. Satu perjuangan untuk kemajuan. Dan untuk memenangi sesuatu perjuangan itu rukun

yang pertama ialah bersatupadu dan mara ke hadapan berganding bahu menghadapi tugas di hadapan kita.

Jika Tanah Melayu mahu maju sebagaimana yang kita cita-citakan, jika Tanah Melayu mahu dijadikan sebuah negara di mana anak cucu kita akan mempunyai kehidupan dan peluang-peluang yang lebih baik daripada yang kita nikmati hari ini, maka mustahaklah kita bekerjasama lebih rapat lagi dan mempunyai keazaman yang kuat sebagai hasil perpaduan dan perasaan berbaik-baik kita.


Ini bukanlah satu siaran politik. Saya tidak menyeru tuan-tuan supaya mengundi kerajaan Perikatan. Apa yang saya cakapkan hanyalah ini; iaitu usaha daripada Perdana Menteri, saya dan Menteri-menteri seperjuangan dengan saya sahaja tidak boleh menghasilkan kejayaan dalam pembangunan negara, Usaha-usaha jabatan-jabatan kerajaan sahaja tidak boleh menimbulkan kejayaan dalam pembangunan negara. Usaha badan-badan persendirian, perdagangan dan perusahaan sahaja tidak boleh memberi kejayaan dalam pembangunan negara, Usaha-usaha orang perseorangan sahaja tidak boleh menghasilkan kejayaan dan pembangunan negara. Tetapi usaha-usaha bersama pihak menteri-menteri, kerajaan dan jabatan-jabatannya, badan-badan persendirian dan orang-orang perseorangan tidak syak lagi boleh menimbulkan hasil-hasil yang sama besarnya seperti yang dicita-citakan oleh kita rakyat Tanah Melayu iaitu membentuk sebuah negara Tanah Melayu yang kukuh, kuat dan makmur.

Yang saya minta pada tuan-tuan hanyalah sokongan sepenuhnya, dengan perkataan, amalan dan usaha-usaha untuk menjamin bahawa anak cucu kita termasuklah kanak-kanak yang saya lihat di atas jambatan itu akan berasa bangga terhadap kita dan negara kita, Tanah Melayu ini, iaitu tempat tumpah darah mereka itu.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang memegang sepucuk senapang semasa lawatannya di Kem Brigade Pertama Regimen Melayu Diraja, Sungai Besi, Kuala Lumpur pada 12hb Jun, 1962.

(Gambar The New Straits Time Press)



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang menembak tiga das ke model (maniature) sasaran ketika melawat Kem Brigade Pertama Regimen Melayu Diraja di Sungai Besi, Kuala Lumpur pada 12hb Jun, 1962.

(Gambar The New Straits Time Press)